



- 1. PEMBANTU PERHUTANAN RENDAH  
JABATAN PERHUTANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
D.1-2 EB.3 (\$530 - \$1,125 SEBULAN)  
KEKOSONGAN=2**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) 4 Kepujian / Kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa yang mana dua daripadanya mata pelajaran Matematik / Sains / Geografi atau kelulusan sebanding.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Perhutanan dalam Bahagian 5 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan berkaitan dengan Perhutanan / Pertanian / Pemeliharaan Alam Sekitar atau jawatan bersesuaian dalam Bahagian 5 tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Pernah mengikuti kursus Kemahiran Buruh-Buruh Hutan, Jabatan Perhutanan atau '*specialized courses*' yang diiktiraf adalah kelebihan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEMBANTU PERHUTANAN RENDAH:**

1. Menjadi pegawai luar sebagai pengawas dan memantau projek-projek Jabatan Perhutanan di samping mengawas buruh-buruh hutan di bawah jagaannya dan harta benda Kerajaan yang terlibat serta menyediakan laporan bulanan pelaksanaan kerja-kerja berkenaan.
2. Membantu pegawai luar dan atasan dalam menyusun rangka pelaksanaan kerja-kerja yang telah diberikan sesuai jadual yang telah diatitkan kepadanya dan melaksanakannya mengikut susunan kerja.



3. Bertanggungjawab ke atas pekerja buruh hutan yang di dalam pengendaliannya dan harta benda Kerajaan yang terlibat. Semua barang-barang Kerajaan yang diamanahkan hendaklah dijaga dan dipelihara serta sentiasa dalam keadaan baik dan selamat digunakan semasa bekerja.
4. Melaksanakan semua tugas yang diatitkan oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa.